PERANAN DAN FUNGSI SEKSYEN PENGUATKUASAAN PEJABAT NEGERI

Oleh:

Mohd Yazid Hj Mohammed
Ketua Seksyen Penguatkuasaan
SSM Pahang

STRUKTUR ORGANISASI SEKSYEN PENGUATKUASAAN PEJABAT NEGERI

KETUA SEKSYEN PENGUATKUASAAN

UNIT PEMANTAUAN DATA

- PEMANTAUAN DAN SEMAKAN DATA
- PENGURUSAN KOMPAUN
- PEMANTAUAN PENTADBIRAN KORPORAT (DATA MATCHING)
- PENGURUSAN PEMATUHAN
- SEMAKAN MEDIA DAN PERNIAGAAN ONLINE

UNIT PEMERIKSAAN

- PEMERIKSAAN FIZIKAL
- PEMANTAUAN SETIAUSAHA & PEGAWAI PEMATUHAN
- PEMERIKSAAN REKOD PERAKAUNAN
- ADUAN

UNIT PENDAKWAAN

- PENDAFTARAN KES MAHKAMAH
- SEBUTAN KES
- MEMPROSES PERMOHONAN RAYUAN / PENYELESAIAN KES LUAR MAHKAMAH

PERANAN DAN OBJEKTIF UMUM SEKSYEN PENGUATKUASAAN

Meningkatkan <u>kadar pematuhan</u> korporat dengan menggalakkan nilai-nilai tadbir urus korporat yang baik melalui pendekatan <u>penguatkuasaan seimbang</u> dengan menekankan pemantauan dan program pendidikan secara berterusan

STRATEGI UTAMA PEMANTAUAN

KUALITI DAN INTEGRITI PENYATA KEWANGAN

Menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik di kalangan pengarah syarikat dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat dengan memberi penekanan kepada kualiti dan integriti Penyata Kewangan

KADAR PEMATUHAN DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF

Meningkatkan kadar pematuhan dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan memastikan tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan

TADBIR URUS, AMALAN DAN TAHAP KOMPETENSI INTERMIDIARI KORPORAT

Memastikan tadbir urus, amalan dan tahap berpotensi yang baik dalam kalangan pengantara korporat dengan memantau pematuhan setiausaha syarikat dan juruaudit terhadap perundangan, kaedah, kod etika dan garis panduan dalam pentadbiran sesebuah syarikat

KAEDAH PELAKSANAAN

PEMERIKSAAN MELALUI PANGKALAN DATA SSM

PEMERIKSAAN KE PREMIS PERNIAGAAN / PERNIAGAAN ONLINE

KERJASAMA ANTARA AGENSI / PBT

PELAKSANAAN TUGAS KHAS / PROJEK

PENDEKATAN BERASASKAN RISIKO

UNIT PEMANTAUAN DATA

MEMANTAU SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN

MEMANTAU SERAH SIMPAN PENYATA KEWANGAN

MENGELUARKAN NOTIS PERINGATAN "COMPLIANCE CLOCK"

MENGELUARKAN NOTIS KOMPAUN SEKSYEN 68(1) AS 2016

MENGELUARKAN NOTIS KOMPAUN DI BAWAH SEKSYEN 258 AS 2016

MENGELUARKAN NOTIS KOMPAUN DI BAWAH SEKSYEN 259 AS 2016

UNIT PEMANTAUAN DATA (SAMB..)

Statistik Jumlah Entiti Perniagaan, Syarikat & LLP YANG berdaftar berstatus Active/Existing, Expired, Terminate, Winding Up & Dissolved

SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2021

Bil	Negeri	Perniagaan			Jumlah Perniagaan	Syarikat									Jumlah Syarikat	Perkongsian Liabiliti Terhad				Jumlah PLT
						Dissolved					Winding Up									
		Expired	Terminated	Active		Permohonan/Members	Permohonan/Creditors	Permohonan /Court Order	Striking Off/Permohonan	Striking Off/Inisiatif	Members	Creditors	Court Order	Existing		Existing	Voluntry Winding Up	Winding Up By Court	Dissolved	
1	Selangor	1,323,930	292,774	441,546	**2,058,250**	4,455	52	400	72,888	75,154	923	67	5,702	176,884	**336,525**	11,516	334	1	402	**12,253**
2	Johor	675,219	265,637	258,670	**1,199,526**	3,149	20	253	34,166	28,040	618	31	2,288	63,279	**131,844**	2,213	75	1	96	**2,385**
3	Pulau Pinang	331,975	151,240	123,363	**606,578**	2,391	14	280	23,585	17,693	535	22	1,583	45,130	**91,233**	1,558	50	-	100	**1,708**
4	Perak	385,045	179,957	155,672	**720,674**	1,262	17	136	14,039	16,340	320	3	1,037	26,000	**59,154**	711	15	-	41	**767**
5	Kedah	348,945	110,743	122,496	**582,184**	188	7	133	8,073	7,566	82	5	506	14,501	**31,061**	480	15	-	16	**511**
6	Melaka	163,033	72,488	63,490	**299,011**	466	3	94	8,177	5,086	116	2	522	14,070	**28,536**	446	9	-	9	**464**
7	Negeri Sembilan	233,253	70,790	84,714	**388,757**	207	-	72	6,601	5,974	84	3	376	10,841	**24,158**	629	19	1	12	**661**
8	Pahang	279,789	107,832	97,157	**484,778**	371	-	186	7,236	5,054	47	1	275	12,653	**25,823**	294	3	-	6	**303**
9	Kelantan	285,705	95,320	96,736	**477,761**	31	-	96	3,727	5,734	24	2	316	6,876	**16,806**	209	2	-	5	**216**
10	Terengganu	208,768	66,741	74,472	**349,981**	66	-	187	4,551	2,855	13	8	175	6,143	**13,998**	435	24	-	3	**462**
11	W.P. Labuan	13,708	2,920	6,700	**23,328**	31	1	18	695	396	11	1	30	1,089	**2,272**	63	-	-	1	**64**
12	WP Kuala Lumpur	633,696	245,684	170,116	**1,049,496**	11,700	149	538	114,347	138,683	2,446	239	10,612	212,014	**490,728**	6,560	176	1	283	**7,020**
13	Perlis	47,578	15,142	18,501	**81,221**	3	-	6	731	440	4	-	38	804	**2,026**	66	2	-	-	**68**
14	Sabah					1,259	3	352	14,350	22,072	252	6	659	30,637	**69,590**	856	30	-	28	**914**
15	Sarawak					3,727	9	120	15,288	16,114	762	14	480	41,463	**77,977**	1,209	35	-	20	**1,264**
JUMLAH		**4,930,644**	**1,677,268**	**1,713,633**	**8,321,545**	**29,306**	**275**	**2,871**	**328,454**	**347,201**	**6,237**	**404**	**24,599**	**662,384**	**1,401,731**	**27,245**	**789**	**4**	**1,022**	**29,060**

Statistik Jumlah Entiti Perniagaan, Syarikat & LLP YANG berdaftar berstatus Active/Existing, Expired, Terminate, Winding Up & Dissolved

Bil	Kod	Negeri	Perniagaan			Jumlah Perniagaan	Syarikat									Jumlah Syarikat	Perkongsian Liabiliti Terhad				Jumlah PLT
							Dissolved					Winding Up			Existing						
			Expired	erminated	Active		Permohonan/Members	Permohonan/Creditors	Permohonan /Court Order	Striking Off/Permohonan	Striking Off/Inisiatif	Members	Creditors	Court Order			Existing	Voluntry Winding Up	Winding Up By Court	Dissolved	
8	C	Pahang	279,789	107,832	97,157	**484,778**	371	-	186	7,236	5,054	47	1	275	12,653	**25,823**	294	3	-	6	**303**
9	D	Kelantan	285,705	95,320	96,736	**477,761**	31	-	96	3,727	5,734	24	2	316	6,876	**16,806**	209	2	-	5	**216**
10	T	Terengganu	208,768	66,741	74,472	**349,981**	66	-	187	4,551	2,855	13	8	175	6,143	**13,998**	435	24	-	3	**462**
11	L	W.P. Labuan	13,708	2,920	6,700	**23,328**	31	1	18	695	396	11	1	30	1,089	**2,272**	63	-	-	1	**64**
14	X	Sabah					1,259	3	352	14,350	22,072	252	6	659	30,637	**69,590**	856	30	-	28	**914**
15	Y	Sarawak					3,727	9	120	15,288	16,114	762	14	480	41,463	**77,977**	1,209	35	-	20	**1,264**
JUMLAH			**787,970**	**272,813**	**275,065**	**1,335,848**	**5,485**	**13**	**959**	**45,847**	**52,225**	**1,109**	**32**	**1,935**	**98,861**	**206,466**	**3,066**	**94**	**-**	**63**	**3,223**

KADAR PEMATUHAN SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN SEHINGGA 30/09/2021





KADAR PEMATUHAN SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN SEHINGGA 30/09/2021



Kadar Pematuhan

83.89 %

KADAR PEMATUHAN SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN SEHINGGA 30/09/2021

NEGERI	SYARIKAT KESELURUHAN SETAKAT 30/09/2021			
	SYARIKAT BERKEWAJIPAN	TERIMA PENYATA TAHUNAN	KADAR PEMATUHAN	TIDAK SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN
JOHOR	32,095	27,971	87.15%	4,124
KEDAH	7,137	6,286	88.08%	851
KELANTAN	3,106	2,599	83.68%	507
MELAKA	7,141	6,372	89.23%	769
NEGERI SEMBILAN	5,186	4,437	85.56%	749
PAHANG	6,223	5,351	85.99%	872
PERAK	12,986	11,355	87.44%	1,631
PERLIS	376	308	81.91%	68
PULAU PINANG	22,123	19,620	88.69%	2,503
SABAH	14,203	12,258	86.31%	1,945
SARAWAK	21,283	19,449	91.38%	1,834
SELANGOR	87,013	70,686	81.24%	16,327
TERENGGANU	3,082	2,593	84.13%	489
W.P. LABUAN	557	452	81.15%	105
WILAYAH PERSEKUTUAN	103,036	83,362	80.91%	19,674
JUMLAH KESELURUHAN	**225,547**	**273,099**	**83.89%**	**52,448**

KADAR PEMATUHAN SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN SEHINGGA 30/09/2021

NEGERI	SYARIKAT KESELURUHAN SETAKAT 30/09/2021			
	SYARIKAT BERKEWAJIPAN	TERIMA PENYATA TAHUNAN	KADAR PEMATUHAN	TIDAK SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN
PAHANG	6,223	5,351	85.99%	872
TERENGGANU	3,082	2,593	84.13%	489
KELANTAN	3,106	2,599	83.68%	507
SABAH	14,203	12,258	86.31%	1,945
SARAWAK	21,283	19,449	91.38%	1,834
W.P. LABUAN	557	452	81.15%	105

Row Labels	Count of COMPOUND NO	Sum of TOTAL AMOUNT
KELANTAN	1,404	4,442,930
PAHANG	1,948	3,477,055
SABAH	2,884	7,382,405
SARAWAK	2,125	4,314,585
TERENGGANU	1,264	2,760,300
W.P. LABUAN	82	77,530
Grand Total	9,707	22,454,805

Count of COMPOUND NO	Column Labels						
Row Labels	KELANTAN	PAHANG	SABAH	SARAWAK	TERENGGANU	W.P. LABUAN	Grand Total
Seksyen 245(3)					1		1
Seksyen 248(1)(a)				3	3		6
Seksyen 248(1)(b)	11	11	15	19	16		72
Seksyen 258(1)(a)	3	19	31	36	96		185
Seksyen 258(1)(b)	9				2		11
Seksyen 259(1)(a)	203	370	218	221	163	25	1200
Seksyen 259(1)(b)	11	2	5	1	2		21
Seksyen 68(1)	546	666	1191	923	566	43	3935
Grand Total	786	1,068	1,460	1,203	849	68	5,434

COMMON OFFENCES UNDER COMPANIES ACT 2016

Company as Separate Legal Entity | Common Offences | Non –compliance Offences and Cases | Corporate Governance Offences and Cases

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

COMMON OFFENCES COMMITTED BY OFFICERS

Offences

- More than 300 offences under the Companies Act 2016 involving company directors and officers of the company

Definition

- Section 2 of CA 1965 : “Director” includes any person occupying the position of director of a corporation by whatever name called and includes a person in accordance with whose directions or instructions the majority of directors of a corporation are accustomed to act and an alternate or substitute director.
- Section 2 of CA 1965 : “Officer” includeS any director, secretary, employee, receiver and manager and in cases of a voluntary winding up, the liquidator.

Prosecution Action

- Generally relating to non-compliance offences and corporate governance offences e.g fraud, false and misleading statements, breaches of fiduciary duty of directors

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SECTION 68 : FAILURE TO LODGE ANNUAL RETURN - The Provision

THE LAW

- Sec 68(1): A company shall lodge with the Registrar an annual return for each calendar year not later than thirty days from the anniversary of its incorporation date.
- Sec 68(6): Lodgement of statement signed by a director or a secretary certifying that there is no change in any of the matters stated from previous years.
- Sec 68(8): Registrar may strike a company off the register as provided in section 549, if the company fails to lodge an annual return for three or more consecutive years.

OFFENDER

- Company and;
- Every officer of the company

PENALTY

- Not exceeding RM50,000.00.
- Default Penalty (RM1,000.00 each day)

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SECTION 259 : FAILURE TO LODGE FINANCIAL STATEMENTS & REPORTS - The Provision

THE LAW

- Private company: Within 30 days from the financial statements and reports are circulated to its members under section 258
- Public company: Within 30 days from its AGM.
- Sec 259(2) : A company may apply to SSM for an extension of time based on good reasons before the expiry of time specified.
- If Registrar allows for extension of time, no enforcement action will be taken against the company

OFFENDER

- Company and;
- Every officer of the company

PENALTY

- Not exceeding RM50,000.00.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SECTION 259 (1) : FAILURE TO LODGE FINANCIAL STATEMENT - Case Study

CASE STUDY

"DENDA MAKSIMUM DIKENAKAN KE ATAS SYARIKAT MANDUCEKAP HI-TEC SDN BHD BAGI KESALAHAN KETIDAKPATUHAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965"

Shah Alam - Jumaat, 4 November 2016: Syarikat Manducekap Hi-Tec Sdn Bhd dan 9 orang pengarah – pengarahnya telah disabitkan dengan kesalahan ketidakpatuhan di bawah Seksyen 169(1), 165(4) dan 143(1) Akta Syarikat 1965 di Mahkamah Mejistret Shah Alam setelah pihak pendakwaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Puan Majistret telah mempertimbangkan hujahan pihak pendakwaan dan menjatuhkan hukuman maksimum kepada Syarikat Manducekap Hi-Tec Sdn Bhd bagi kesalahan di bawah seksyen 143(1) iaitu denda sebanyak RM5000 dan denda sebanyak RM2000 bagi kesalahan di bawah seksyen 165(4).

Bagi setiap pengarah pula, hukuman yang dijatuhkan bagi kesalahan di bawah seksyen 143(1) ialah denda sebanyak RM2500 jika gagal bayar 3 bulan penjara, denda sebanyak RM1500 jika gagal bayar 2 bulan penjara bagi kesalahan di bawah seksyen 165(4) dan denda sebanyak RM5000 jika gagal bayar 6 bulan penjara bagi kesalahan di bawah seksyen 169(1) AS 1965. Jumlah keseluruhan denda yang dikenakan ialah sebanyak RM88000.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SECTION 68 : FAILURE TO LODGE ANNUAL RETURN - Case Study

CASE STUDY

"SSM OBTAINS CONVICTION AGAINST ALL DIRECTORS OF GENNEVA SDN BHD, GENNEVA MALAYSIA SDN BHD & SAMUDRA-GV SDN BHD"

Monday, 21 July 2014 – 8 directors as well as 3 gold-trading companies were convicted at Kuala Lumpur Sessions Court today for committing 76 counts of offences under the Companies Act 1965. They were from Genneva Sdn Bhd, Genneva Malaysia Sdn Bhd and Samudra-GV Sdn Bhd which had a common registered address at Suite D23, 2nd Floor, Plaza Pekeliling, No.2, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

They were convicted after pleaded guilty for offences relating to failure to hold the Annual General Meeting ('AGM') which contravened Section 143(1), failure to lodge the Annual Return of the companies which contravened Section 165(4) and failure to table the audited accounts at the AGM within the required period which contravened Section 169(1) as imposed by the Companies Act 1965. All offences were in relation to the calendar year ranging from 2007 until 2012.

The directors concerned are Dato' Tan Liang Keat, Dato' Ng Poh Weng, Dato' Philip Lim Jit Meng, Dato' Marcus Yee Yuen Seng, Dato' Chin Wai Leong, Ng Wan Yee, Alex Yew Soo Hun and Ahmad Khairuddin Ilias.

The Sessions Court Judge, Zulqarnain Hassan found all of them guilty and sentenced them to a total fine of RM42,700.00, in default 3 months imprisonment for the said offences.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SECTION 591 : FALSE AND MISLEADING STATEMENTS - The Provision

THE LAW

- Every person who is in any return, report, certificate, financial statement or other document required by or for the purpose of this Act –
  - makes or authorizes the making of a statement false or misleading in any material particular knowing it to be false; or
  - misleads or intentionally omits or authorizes the omission or accession of any matter or thing making the document misleading in a material respect.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SECTION 591 : FALSE AND MISLEADING STATEMENTS - The Provision

OFFENDER

- Any person

PENALTY

- imprisonment not exceeding 10 years;
- fine not exceeding three million ringgit ; or
- both.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SECTION 591 : FALSE AND MISLEADING STATEMENTS - Case Study

CASE STUDY

PP v Khaeromze Bin Ahmad

An ex-company secretary of Armas Medina Sdn. Bhd, Khaeromze Bin Ahmad, was convicted at Johor Bahru Sessions Court for making false statements in Form 49 in relation to the resignation of two directors and in Form 32A, in relation to transfer of the directors' shares to another person and the accused himself.

The accused was sentenced to a fine of RM210,000 and in default 12 months imprisonment.

PP v Sandhiransegaran

A director of Venus Polymer Sdn Bhd was sentenced to five (5) years imprisonment for authorising the company secretary to make a false statement in relation to the resignation of another director through the lodgement of Form 49.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

SEMUA tertuduh didakwa memiliki serbuk putih disyaki dadah seberat 7 gram a

Pengarah dituduh buat pernyataan palsu

LEONG (tengah) di mahkamah, semalam.

Melaka: Seorang pengarah sebuah syarikat pembinaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan membuat pernyataan palsu berhubung pemilikan saham berjumlah 45,000 unit di sekitar negeri ini, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Leong Sang Khim, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di depan Hakim Ahmad Sazali Omar dan memohon dibicarakan.

Terdahulu, tertuduh yang berpakaian kemas kelihatan tenang ketika pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah ke atasnya.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa membuat suatu pertanyaan palsu di dalam 'Form of Annual Return of a Company Having a Share Capital' bagi Syarikat Bumi Tabah Sdn Bhd iaitu satu borang yang dikehendaki dibawah Seksyen 165 (1) Akta Syarikat 1965.

Ia berhubung butir material mengenai milikan saham bagi Gan Suan Chin, 51, berjumlah 45,000 unit yang diketahui bahawa pernyataan itu adalah palsu dan dilampirkan bersama kertas pertuduhan.

Perbuatan itu dilakukan di pejabat berdaftar Syarikat Bumi Tabah Sdn Bhd di sekitar Taman Bukit Piatu Mutiara di sini, 10 April 2009.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 364 (2) Akta Syarikat 1965 (Akta 125) yang memperuntukkan hukuman maksim 10 tahun penjara atau denda RM250,000 atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Mohd Zulkhairi Kamaruzaman manakala tertuduh diwakili peguam J Amardas.

Kedua pihak menerusi perbincangan bersama sebelum mahkamah bersidang bersetuju menetapkan kos jaminan berjumlah RM10,000.

Ahmad Sazali kemudian bersetuju dengan kos terhadap Leong itu dengan seorang penjamin.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Oktober depan.

Datuk mengaku salah buat pernyataan palsu

Kuala Lumpur: Seorang bekas pengarah sebuah agensi pekerjaan bergelar Datuk mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan membuat pernyataan palsu berhubung peletakan jawatan Ketua UMNO Bahagian Padang Besar Datuk Zahidi Zainul Abidin, sebagai pengarah syarikat itu, tiga tahun lalu.

Hakim Rihaida Rafie bagaimanapun menetapkan 27 September ini untuk menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh Datuk Saad Ani, 60.

Saad yang ketika kejadian adalah pengarah Select Recruitment Sdn Bhd, didakwa memberi kuasa kepada setiausaha syarikat Wan Zakira Wan Salleh untuk membuat pernyataan itu melalui Borang 49 bertarikh 15 April 2010, sedangkan dia tahu ia adalah palsu.

Perbuatan itu dilakukan di Amal Mutiara Management Services, No 36A (Front), Tingkat 1, Jalan Kemuja, Off Jalan Bangsar di sini, pada 15 April 2010.

Tuduhan terhadapnya itu dibuat mengikut Seksyen 364(2) Akta Syarikat 1965 (Akta 125) yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda sehingga RM250,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Mohd Zulkhairi Kamaruzaman, memberitahu mahkamah bahawa pihaknya masih belum bersedia dengan fakta kes dan mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin dengan RM15,000.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam itu bagaimanapun memohon jumlah berkenaan dikurangkan kepada RM10,000 dan mahkamah kemudian membenarkan dia diikat jamin oleh anak lelakinya dengan jumlah yang dipohon itu.

FAKTA

Tertuduh didakwa memberi kuasa kepada setiausaha syarikat Wan Zakira Wan Salleh untuk membuat pernyataan

SAAD

MEDIA

SABTU
25 JANUARI 2014
Harian Metro

Pengarah nafi tubuh syarikat tanpa kebenaran

Kuala Lumpur: Seorang pengarah sebuah syarikat pemasaran dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menubuhkan syarikat tanpa kebenaran mesyuarat agung syarikat berkenaan, tahun lalu.

Ng Boon Let, 40, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, Ng sebagai pengarah syarikat Sin Lee Marketing Sdn Bhd yang beralamat di No 64, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre, di sini, didakwa menubuhkan syarikat lain iaitu Multi Global Enterprise Sdn Bhd, iaitu syarikat yang ditubuhkan untuk mendapat faedah secara langsung bagi diri sendiri.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 132(2)(e) Akta Syarikat 1965 (Akta 125) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 132(3)(b) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda, jika sabit kesalahan.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

Pengarah syarikat didakwa beri pernyataan palsu

Kuala Lumpur: Seorang pengarah syarikat pembekal tekstil dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan membuat pernyataan palsu berhubung peletakan jawatan seorang pengarah syarikat, tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Javed Butt Muhammad Shafi, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Javed Butt, seorang warga Pakistan didakwa membuat penyataan palsu di dalam Borang 49 bertarikh 29 Mac 2013 bagi Syarikat MJS Corporation Sdn Bhd, iaitu satu borang yang dikehendaki di bawah Seksyen 141(6) Akta Syarikat 1965 berhubung peletakan jawatan Rehan Mohammad Faiq sebagai pengarah syarikat sama.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Tingkat 17, Jalan Stesen 5, Kuala Lumpur Sentral, di sini, antara 29 Mac hingga 1 April 2013.

Bagi pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 364 (2) Akta Syarikat 1965, yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun atau denda RM250,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa daripada SSM, Shari'ah Abu menawarkan jaminan RM10,000 terhadap tertuduh.

Bagaimanapun, peguam Mohd Nahir Hussin yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jaminan atas alasan anak guamnya mempunyai satu kes lain yang sudah dituduh di Mahkamah Majistret pada 12 Mac lalu berhubung pemalsuan dokumen mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin yang berstatus warganegara, berserta syarat tambahan pasport ditahan di mahkamah sekiranya kes di Mahkamah Majistret selesai lebih awal.

Sebutan kes ditetapkan pada 5 Mei ini.

Bekas pengarah didakwa kemuka laporan palsu

KUALA LUMPUR: Seorang bekas pengarah urusan syarikat import eksport dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas lima pertuduhan membabitkan tuduhan mengemukakan serta membuat pernyataan laporan palsu, enam tahun lalu.

Tertuduh, Teoh Hun Siang, 38, mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan itu yang dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, Teoh didakwa memperdayakan pengarah syarikat Xiang De Sdn Bhd dengan mengemukakan tiga penyata kewangan palsu antara 2005 dan 2007 dengan mendakwa laporan itu disediakan juruaudit Eng Teh & Associates.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di No 3-2, Jalan Metro Perdana Timur 1, Taman Usahawan Kepong, di sini, antara 18 Oktober 2007 dan 26 Februari 2009.

Selain itu, tertuduh sebagai pengarah syarikat tekstil, Manhara Fashion Sdn Bhd didakwa melakukan perbuatan sama dengan mengemukakan satu laporan juruaudit bertarikh 12 Disember 2006 disediakan Eng Teh dalam penyata kewangan beraudit syarikat itu di 38-2, Jalan 25/70A, Desa Sri Hartamas, di sini, antara 12 Disember 2006 dan 17 Ogos 2007.

Keempat-empat pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 364A(1)(a) Akta Syarikat 1965 (Akta 125) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda maksimum RM250,000 jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kelima, tertuduh sebagai pengarah Outsourcing Consortium Sdn Bhd didakwa membuat pernyataan palsu dalam butiran penyata tahunan 2006 syarikat berhubung pelantikan Eng Teh untuk mengaudit Outsourcing Consortium, padahal syarikat juruaudit itu tidak pernah bersetuju.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Tingkat 2, Putra Place, Jalan Putra di sini, pada 16 September 2006.

Bagi tuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 364(2) Akta Syarikat 1965 (Akta 125) yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda sehingga RM350,000.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Steve Chin Yun Cheong manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM70,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah dan menetapkan 16 Januari depan untuk sebutan kes.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

Padah buat penyata palsu

Bekas setiausaha mengaku bersalah 5 pertuduhan

BUTTERWORTH - Seorang bekas setiausaha syarikat penternakan ikan mengaku bersalah atas lima pertuduhan membuat pernyataan palsu sejak tiga tahun lalu terhadap empat syarikat berbeza di Mahkamah Sesyen, semalam.

Gok Ching Hee, 42 didakwa menggunakan nama sebuah firma audit, LKH & Associates untuk memalsukan penyata audit tahunan kewangan empat syarikat berlainan sejak 30 Jun 2010 sehingga 24 Ogos 2011.

Tertuduh yang bekerja di Taman Sungai Bakap itu didakwa mengikut Seksyen 364A (1) (a) Akta Syarikat (Akta 125) bagi semua pertuduhan dan boleh dipenjara 10 tahun atau denda RM250,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Mohd Zulkhairi Kamaruzaman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.

Dua pertuduhan dibacakan di hadapan Pendaftar, Siti Sarah Abdul Rahim manakala tiga lagi pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mahkamah kemudiannya membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah menetapkan 7 Oktober ini sebagai tarikh jatuh hukum.

Ching Hee tiba di pekarangan Mahkamah Sesyen Butterworth diiringi pegawai SSM, semalam.

sinarharian • JUMAAT 23 DISEMBER 2011

Pengarah syarikat kena jel 30 hari

NORAWAZNI YUSOF

SHAH ALAM - Akibat menggunakan wang majikan untuk kepentingan syarikat lain, bekas pengarah di syarikat penjualan pasir menerima padah apabila dia dihukum penjara 30 hari dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim, Mohd Fadhir Harun membuat keputusan tersebut, selepas Tiang Ying Tiong, 46, didapati bersalah atas tuduhan berkenaan.

Mohd Fadhir juga memerintahkan hukuman penjara 30 hari, sekiranya Ying Tiong gagal membayar denda.

Ying Tiong didapati bersalah kerana bertindak tidak jujur dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengarah di Syarikat Golden Rome Sdn Bhd telah menggunakan syarikat TYT Resaurces Sdn Bhd untuk menerima pembayaran hutang bagi Syarikat Golden.

Penerimaan pembayaran yang diterima Syarikat Golden telah digunakan untuk kepentingan syarikat TYT.

Perbuatan tersebut dilakukan Ying Tiong di Syarikat Golden, dekat Damansara Intan antara 27 Julai hingga 12 November 2011.

Dia didapati bersalah di bawah Seskyen 132 (1) Akta Syarikat 1956.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Mohamad Azies Han Mohd Fadhil, manakala Ying Tiong diwakili peguam, S T Lee.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

Pengarah didakwa buat penyataan palsu

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
pengarang@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 18 NOV.

SEORANG pengarah sebuah syarikat pemaju dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan membuat penyataan palsu berkaitan peletakan jawatan seorang lagi pengarah syarikat yang sama, tahun lalu.

Mohd. Naim Hussain, 51, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan itu dibacakan oleh jurubahasa kepadanya di hadapan Hakim Azhar Mokhtar.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh yang merupakan pengarah syarikat MS Saujana Sdn. Bhd., didakwa telah memberi kuasa kepada setiausaha syarikat, Ong Lee Hon untuk membuat penyataan palsu melalui Borang 49 bertarikh 2 Mac 2013 berhubung peletakan jawatan, Siahezan Wali Mohammed, 47, sebagai pengarah di syarikat tersebut.

Tertuduh kemudian didakwa menyerahkan penyataan palsu itu kepada Pendaftar Syarikat pada 18 Mac 2013 walaupun menyedari bahwa dokumen itu adalah palsu.

Mohd. Naim didakwa melakukan perbuatan itu di premis ESSTA Management Consultants Sdn. Bhd., di Suite A, 1018-B, Tingkat 2, Lorong Merpati di sini pada 2 Mac 2013.

MOHD. NAIM HUSSAIN (kanan) didakwa ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan membuat penyataan palsu pada tahun lalu di Alor Setar, Kedah, semalam. – BERNAMA

Pendakwaan dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Mohamad Azies Han Mohd. Fadzil mengikut Seksyen 364(2) Akta Syarikat 1965 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda maksimum RM250,000 atau kedua-duanya.

Mohd. Naim yang merupakan bapa kepada lima anak diwakili peguam Shamsul Nizam Sohaimi.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu sebutan kes pada 18 Disember ini.

Buat tawaran beli saham skim pelaburan tidak sah

Tauke stevia didakwa

Oleh WAZIHA WAHID
Waziha@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Usahawan internet dan Ketua Pengarah Eksekutif Syarikat Megaherbs Bioextreme Sdn. Bhd. dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua tuduhan membuat tawaran pembelian saham membabitkan skim pelaburan 'Rakan Niaga Kontrak Stevia' yang tidak sah tahun lalu.

Tertuduh, Datuk Dr. Zubir Yahya, 46, yang pernah menerbitkan filem seram *Gentayangan* empat tahun lalu bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua tuduhan tersebut dan mohon dibicarakan.

Megaherbs Bioextreme adalah syarikat yang menjalankan perniagaan serta kursus keusahawanan berasaskan penanaman pokok stevia bagi menggantikan gula sebagai bahan pemanis.

Syarikat tersebut mendapat publisiti meluas dan sering menyiarkan iklan bukan sahaja di akhbar-akhbar tetapi juga di media elektronik.

Zubir didakwa menawarkan kepada orang awam pembelian saham bagi skim pelaburan itu walhal syarikatnya bukan menjalankan perniagaan sedemikian.

Tawaran itu dilarang mengikut Seksyen 363 (3) Akta Syarikat 1965 dan jika sabit kesalahan, dia boleh dipenjara 10 tahun atau denda RM250,000.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menawarkan pembelian saham skim pelaburan yang sama walhal tidak mempunyai surat ikatan yang diluluskan.

Kedua-dua kesalahan didakwa dilakukan antara 1 April 2011 hingga 13 April 2012 di Megaherbs Bioextreme, di 36-3, Blok G, Platinum Walk, No. 2, Jalan Langkawi, Danau Kota di sini.

Bagi tuduhan kedua, Zubir didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 91(1) Akta Syarikat 1965 dan dihukum mengikut Seksyen 94(1) akta sama.

Sabit kesalahan, dia boleh dipenjara sehingga lima tahun atau denda RM100,000.

Pegawai pendakwa dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Mohd. Zulkhairi Kamaruzaman yang menawarkan jaminan RM30,000 dan RM20,000 masing-masing untuk setiap tuduhan memberitahu, tertuduh telah menyerah diri kepada polis dan memberi kerjasama penuh sepanjang siasatan.

Zubir kemudian memaklumkan dia telah mempunyai peguam namun gagal hadir pada prosiding semalam selain memohon dikurangkan wang jaminan dengan isteri hadir sebagai penjamin.

Hakim Rozana Ali Yusoff membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM25,000 bagi kedua-dua tuduhan dan menetapkan 12 Mac depan untuk sebutan kes. Tertuduh membayar jaminan tersebut.

Filem *Gentayangan* yang menelan belanja sebanyak RM2.5 juta diarahkan oleh Zulkiflee M. Osman dan dibintangi pelakon Rusdi Ramli, Nasir Bilal Khan, Hasnol Rahmat dan Yasmin Hani. Ia mengisahkan empat sekawan yang pulang bercuti di sebuah kampung, namun menemui pelbagai peristiwa misteri dan dan menyeramkan.

Bagaimanapun, penayangan filem itu terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu.

ZUBIR berjalan keluar dari Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur semalam.

Copyright Reserved Companies Commission of Malaysia

HASIL PEMERIKSAAN KE ATAS PEJABAT SETIAUSAHA SYARIKAT

- 1. Penyimpanan buku / dokumen berkanun syarikat yang tidak teratur,
- 2. Tugas diberi kepada pembantu tanpa membuat pemantauan
- 3. Pengetahuan berkaitan akta syarikat, Practice Directive, Practice Note, Guidelines
- 4. Kesalahan seksyen 258 AS 2016
- 5. Lain-lain

TERIMA KASIH